



## MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN,  
KESIHATAN AWAM & PELESENAN

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
PERBANDARAN**

**PERKHIDMATAN  
PUNGUTAN  
DAN PELUPUSAN  
SAMPAH PEPEJAL.**

### PENGENALAN

Bahagian Perkhidmatan Perbandaran ditubuhkan dengan tujuan memastikan kesempurnaan pengurusan sisa pepejal dan kebersihan di seluruh pulau. Bahagian Perkhidmatan Perbandaran berfungsi untuk:

- (I) Pengurusan pungutan dan pelupusan sampah-sarap.
- (li) Pembersihan jalan dan parit.
- (lii) Pembersihan pasar, kompleks makanan Majlis dan tapak penjaja.
- (lv) Pembersihan tandas awam.
- (V) Pembersihan pantai.
- (Vi) Pungutan sampah dari sungai dan laut; dan
- (vii) Penggalakan program kitar semula.

### PUNGUTAN, PENGANGKUTAN DAN PELUPUSAN SAMPAH-SARAP

Perkhidmatan pungutan, pengangkutan dan pelupusan sampah-sarap di seluruh Pulau adalah diberikan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh Majlis. Hari kutipan sampah dimaklumkan melalui surat pemberitahuan dan juga papan kenyataan yang dipasang di kawasan anda. Harap pastikan anda mengeluarkan sampah hanya pada hari kutipan yang ditetapkan bagi kawasan anda.

**CONTOH  
PAPAN  
KENYATAAN**



Pungutan sampah kebun dan sampah pukat diberi secara percuma seminggu sekali mengikut jadual di kawasan anda.

Anda boleh membantu Majlis memelihara kebersihan alam sekitar dengan.

- (i) MEMASUKKAN SAMPAH DOMESTIK KE DALAM KARUNG PLASTIK DAN MENGIKATNYA DENGAN KEMAS SEBELUM MENYIMPANNYA DALAM TONG SAMPAH.



- (ii) Mengeluarkan sampah pada hari kutipan sahaja
- (iii) Tidak membuang sampah sembarangan ke dalam parit, sungai, persekitaran dan kawasan awam



- (iv) Menyertai program kitar semula



**JIKA ANDA ADA MASALAH TENTANG  
SAMPAH DAN KEBERSIHAN  
HUBUNGILAH**

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN,  
DEWAN BANDARAYA, JALAN PADANG  
KOTA LAMA, 10200 PULAU PINANG.**

**TEL NO.2633000 FAKS NO.2633036**

ATAU

**UNIT TINDAKAN KHAS**

**TEL. NO.2284284**